

## Terma dan Syarat KEMPEN Maybank & Tesla

### 1.0 Kempen

- 1.1 Kempen Pembiayaan Tesla Maybank (“Kempen”) dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai “Maybank”) yang akan berlangsung dari 20<sup>hb</sup> Julai 2023 dan berakhir pada 30<sup>hb</sup> Jun 2024 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini akan ditadbir oleh Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2 iaitu “Kelayakan” seperti di bawah) dengan ini bersetuju sepenuhnya untuk terikat oleh Terma dan Syarat, dan apa-apa keputusan yang Maybank tetapkan berhubung Kempen tersebut adalah muktamad dan terikat.

### 2.0 Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Maybank Premier dan Maybank Private yang membuka dan/atau mengekalkan:
  - 2.1.1 Mana-mana produk gabungan atau tunggal Akaun Deposit/Pelaburan dan pelaburan antara RM250,000 hingga RM1,000,000; ATAU
  - 2.1.2 Mana-mana produk gabungan atau tunggal pembiayaan, Akaun Deposit/Pelaburan dan pelaburan antara RM1,000,000 hingga RM4,000,000; dan
  - 2.1.3 Skop kempen ini eksklusif untuk permohonan pembiayaan Kereta EV Maybank untuk pembelian model TESLA baharu. Model tersebut mestilah dibeli melalui laman sesawang rasmi Tesla Malaysia di [https://www.tesla.com/en\\_my](https://www.tesla.com/en_my). Permohonan yang memenuhi kriteria ini sahaja akan layak untuk penyertaan.

[kemudian daripada ini akan dirujuk sebagai “Peserta yang Layak”]

- 2.2 Penyerahan, kelulusan dan pembayaran permohonan pembiayaan untuk Peserta yang Layak mestilah dibuat dalam Tempoh Kempen untuk layak memenangi Hadiah (seperti yang ditakrifkan di bawah “Kaedah Kempen”).
- 2.3 Kempen ini tidak boleh disertai oleh pekerja Kumpulan Maybank, pekerja agensi pengiklanan dan promosi dan keluarga terdekat mereka yang terlibat secara langsung dalam Kempen.

### 3.0 Kaedah Kempen

- 3.1 Sejumlah 100 Peserta yang Layak yang pertama yang memenuhi kriteria di bawah dalam Tempoh Kempen akan dihadiahkan RM500 dalam nilai emas yang akan dikreditkan ke dalam Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) mereka:

Kategori Produk Penyertaan	Jenis/Perihal Produk Penyertaan	Kriteria Kelayakan	Ganjaran Kempen
Pinjaman/Pembiayaan Kereta	Terbuka kepada permohonan baharu pinjaman/pembiayaan kereta (Konvensional/Islam)	Terpakai untuk model Tesla baharu yang dijual oleh Tesla Malaysia yang rasmi sahaja	100 Peserta yang Layak akan dihadiahkan RM500 dalam nilai emas yang akan dikreditkan ke dalam Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) mereka.

## Terma dan Syarat KEMPEN Maybank & Tesla

---

- 3.2 Untuk layak memenangi Ganjaran Kempen, pembiayaan mestilah diserahkan dan diluluskan dalam tempoh kempen dan pinjaman/pembiayaan kereta akan dibayar sebelum Disember 2024 atau sehingga digunakan sepenuhnya atau mana yang lebih dahulu.

### 4.0 Penyerahan Ganjaran Kempen

- 4.1 Peserta yang Layak yang merupakan pemenang yang berjaya memenangi Ganjaran Kempen (seperti dalam perenggan 3.0 di atas) akan dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan selepas Tempoh Kempen berakhir, iaitu, sebelum 30<sup>th</sup> Jun 2024. Pemenang daripada pelanggan perbankan Premier Banking atau Private sedia ada yang layak akan dihubungi oleh Pengurus Hubungan (Relationship Manager atau RM) berkenaan atau Penasihat Pelanggan (Client Advisor atau CA) sewajarnya mengenai penyerahan Ganjaran Kempen.
- 4.2 Sebaik sahaja Pemenang dihubungi seperti yang dinyatakan di atas dalam Klausula 4.1, pemenang perlu menentusahkan alamat kediaman/emel mereka bagi tujuan memaklumkan Pemenang akan hak mereka.
- 4.3 Semua Pemenang hendaklah membuka akaun MIGA-i untuk penebusan Ganjaran Kempen, di mana kegagalan untuk mematuhi akan menjadikan Ganjaran Kempen terbatal dan diganti dengan pemenang lain.
- 4.4 Maybank berhak mengganti Hadiah tersebut (nilainya akan ditentukan oleh Bank) atas apa jua sebab yang dianggap sesuai oleh Bank sewajarnya. Maybank akan memaklumkan Pemenang melalui apa jua kaedah komunikasi yang dianggap sesuai oleh Bank.
- Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan alamat surat-menyurat dan butiran boleh dihubungi yang disediakan dan disimpan dalam rekod Bank adalah semasa dan terkini.
- 4.5 Ganjaran Kempen di beri atas dasar “seperti adanya” dan tidak boleh dipindahkan ataupun ditukar dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan apa-apa Ganjaran Kempen yang masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan dari tarikh perhubungan dengan Pemenang dibuat, akan ditarik balik.
- 4.6 Selepas pengedaran, Maybank tidak lagi bertanggungjawab ke atas penggunaan Ganjaran Kempen.
- 4.7 Pemenang hendaklah menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain, seperti dan apabila dikehendaki, dan Pemenang mengizinkan apa-apa penzahirannya dalam apa jua cara seperti yang ditentukan oleh Bank. Kegagalan menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain boleh dianggap sebagai penarikan balik Ganjaran Kempen.

### 5.0 Terma dan Syarat Am

- 5.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung berhubung apa jua jenis kerosakan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau ralat elektronik atau ralat manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dibuat melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e yang bukan disebabkan oleh Maybank.
- 5.2 Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan berhak meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari masa ke masa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti hari kalendar) terlebih dahulu mengenainya, di mana notis tersebut akan dipaparkan melalui laman sesawang Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau melalui mana-mana saluran lain yang ditentukan sebagai sesuai oleh Maybank. Peserta yang Layak bertanggungjawab untuk mengambil maklum akan apa-apa notis yang dipaparkan secara sah atau berusaha mendapatkannya.

## Terma dan Syarat KEMPEN Maybank & Tesla

---

- 5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) dari masa ke masa untuk melihat terma dan syarat di dalamnya dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika mana-mana Terma dan Syarat tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini dan bersetuju serta memberi keizinan untuk data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyataan Privasi Maybank, yang boleh dilihat di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“Penyataan Privasi Maybank”) dan Borang APDP untuk Pelanggan Individu.
- 5.5 Sebagai tambahan, dan tanpa prasangka kepada terma dalam Penyataan Privasi Maybank dan Borang APDP untuk Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi keizinan untuk data peribadi atau maklumatnya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
- 5.5.1 tujuan Kempen ini; dan
  - 5.5.2 aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media publisiti dan bahan seperti audio dan/atau rakaman visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa penghadan penggunaan dan/atau penerbitan apa-apa butiran yang disediakan dalam dan/atau berhubung dengan kemasukan, bahan temu bual di samping maklum balas dan gambar foto yang berkaitan. Sehubungan ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berhubung Kempen ini.
- \*Nota: “APDP” merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).
- 5.6 Maybank dan pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa penghadan, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak dalam Kempen ini atas apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau turutan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau niat baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaiannya atau ketertinggalan melampau oleh Maybank.
- 5.7 Maybank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa keingkaran akan kewajibannya di bawah Kempen ini yang diakibatkan oleh apa-apa kejadian *force majeure* (hal luar jangka dan tidak dapat dielakkan) yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian bencana alam, kekecohan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa kejadian dan keadaan dalam apa jua bentuk yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- 5.8 Maybank boleh membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Peserta yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan apa-apa tindakan memutar belit dan/atau memperdaya dan/atau menipu berhubung Kempen ini.
- 5.9 Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi talian penting Khidmat Pelanggan Maybank di talian 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Bagi pilihan lain untuk maklum balas dan/atau aduan, Peserta yang Layak boleh memilih untuk menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman sesawang Maybank2u [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).